



16 November 2011
16 November 2011
P.U. (A) 375

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN (PENDAFTARAN, PENGELASAN, PENGELASAN SEMULA DAN PENGGREDAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG) (PINDAAN) 2011

TOURISM INDUSTRY (REGISTRATION, CLASSIFICATION, RECLASSIFICATION AND RATING OF TOURIST ACCOMMODATION PREMISES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN (PENDAFTARAN, PENGELASAN,
PENGELASAN SEMULA DAN PENGGREDAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG)
(PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31B dan 34 Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pendaftaran, Pengelasan, Pengelasan Semula dan Penggredan Premis Penginapan Pelancong) (Pindaan) 2011**.

Peraturan baru 5A

2. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pendaftaran, Pengelasan, Pengelasan Semula dan Penggredan Premis Penginapan Pelancongan) 2003 [*P.U. (A) 91/2003*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 5 peraturan yang berikut:

“Syarat-syarat sijil pendaftaran

- 5A. Sijil pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) pengusaha premis penginapan pelancong hendaklah hanya mengendalikan perniagaannya di bawah nama yang dinyatakan dalam sijil pendaftaran itu;
- (b) pengusaha premis penginapan pelancong hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pengeluaran sijil di bawah peraturan 5, memberitahu Pesuruhjaya mengenai apa-apa

perubahan pada nama dan pengurusan premis penginapan pelancong; dan

- (c) pengusaha premis penginapan pelancong hendaklah mematuhi apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa.”.

Peraturan baru 11A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 11 peraturan yang berikut:

“Kehilangan atau kemusnahan sijil pendaftaran atau sijil penggredan

11A. (1) Jika sesuatu sijil pendaftaran atau sijil penggredan telah hilang atau musnah, pengusaha premis penginapan pelancong hendaklah dengan serta-merta menulis kepada Pesuruhjaya memaklukkannya mengenai kehilangan atau kemusnahan itu dan hendaklah menyertakan pada suratnya suatu permohonan bagi sijil pendaftaran atau sijil penggredan gantian berserta fi sebanyak lima puluh ringgit.

(2) Pengusaha premis penginapan pelancong hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.

(3) Jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa kehilangan atau kemusnahan itu tidak disengajakan, dia hendaklah mengeluarkan sijil pendaftaran atau sijil penggredan gantian.

(4) Jika sijil pendaftaran atau sijil penggredan yang telah hilang itu dijumpai selepas sijil pendaftaran atau sijil penggredan gantian dikeluarkan kepada pengusaha premis penginapan pelancong, dia hendaklah dengan segera